**NO SOALAN : 34**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA**
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | **:** | **LISAN** |
| **DARIPADA** | **:** | **TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR**<br>**[ TANJONG KARANG ]** |
| **TARIKH** | **:** | **26 NOVEMBER 2019 [ SELASA ]** |

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan dalam tempoh pentadbiran PH berapa jumlah kekosongan PPR yang masih belum diisi mengikut negeri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 30 September 2019, jumlah unit rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) yang masih belum diisi adalah sebanyak 7,964 unit. Jumlah ini merangkumi unit rumah PPR Dimiliki dan juga PPR Disewa. Namun begitu, jumlah tersebut akan berkurangan memandangkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang dalam proses melaksanakan pelbagai peringkat pengisian yang melibatkan proses pemilihan, saringan, jawatankuasa dan pengeluaran surat tawaran.

Sekian, terima kasih.